


ARAHAN : Tiap - tiap soalan dikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang Terbaik dan hitamkan ruangan yang sepadan bagi tiap - tiap soalan pada kertas jawapan objektif anda.


- 1 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
 - A memilih barangan yang terhad bagi mencapai keuntungan maksimum
 - B menguruskan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
 - C menggunakan sumber ekonomi yang tidak terhad untuk mencapai kepuasan yang maksimum
 - D membuat keputusan bagi mengeluarkan barangan yang tidak terhad untuk menyelesaikan masalah ekonomi
- 2 Syarikat SURIA hanya dapat melaksanakan projek perumahan di Taman Indah di Pasir Mas dan terpaksa menangguhkan projek perumahan di Taman Kurnia di Kota Bharu disebabkan
 - A pendapatannya adalah terhad
 - B kehendak manusia yang terhad
 - C modal dan buruh yang dimiliki terhad
 - D peruntukan sumber hasil kerajaan terhad
- 3 Rajah di bawah menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang tepat apabila kombinasi pengeluaran bergerak dari titik A ke titik B.

- A Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
- B Semakin banyak barang Q dihasilkan dalam ekonomi
- C Semakin banyak barang P dikeluarkan dalam ekonomi
- D Berlaku kemajuan tingkat teknologi dalam pengeluaran

- 4 Rajah di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran



Pada titik yang manakah wujudnya kos lepas?

- A R
B S
C T
D U

- 5 Bagaimanakah sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan masalah asas ekonomi?

- I Jenis barang ditentukan oleh pengeluar
II Kuantiti barang ditentukan oleh pengguna
III Kaedah pengeluaran berdasarkan untung maksimum
IV Agihan barang berdasarkan corak agihan pendapatan masyarakat

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV





- 6 Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu
- Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat
- Matlamat ekonomi adalah untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A Islam
B Kapitalis
C Campuran
D Perancangan pusat

7 Pilih pasangan yang betul tentang perubahan penentu permintaan terhadap permintaan sesuatu barang

Penentu Permintaan	Keluk Permintaan
<p>A Harga barang itu menurun</p>	
<p>B Pendapatan individu bertambah</p>	
<p>C Harga dijangka naik pada masa depan</p>	
<p>D Citarasa pengguna meningkat</p>	

- 8 Keluk penawaran sesuatu barang menunjukkan
- A** kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual pada pelbagai tingkat harga
B kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual mengikut kemahuan pengguna
C kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual apabila kos pengeluaran meningkat
D kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual mengikut undang-undang yang telah ditetapkan
- 9 Suatu pasaran dikatakan mencapai keseimbangan pasaran apabila
- A** kuantiti ditawar melebihi kuantiti diminta
B kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan
C kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan
D kuantiti di minta kurang daripada kuantiti ditawarkan
- 10 Apakah yang dimaksudkan dengan keanjalan harga permintaan?
- A** mengukur peratus perubahan harga akibat daripada perubahan pendapatan
B mengukur peratus perubahan harga akibat daripada peratus perubahan kuantiti diminta
C mengukur peratus perubahan dalam kuantiti diminta akibat daripada perubahan pendapatan
D mengukur peratus perubahan dalam kuantiti diminta akibat daripada peratus perubahan harga
- 11 Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang M dan barang N.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
M	25	50
N	30	20

Apakah jenis keanjalan harga permintaan bagi barang M dan barang N?

	Barang M	Barang N
A	Anjal	Tidak Anjal
B	Tidak Anjal	Anjal
C	Anjal	Anjal
D	Tidak Anjal	Tidak Anjal

- 12 Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi telefon bimbit dan Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi telefon bimbit dan beras.

Jenis Barang	Beras	Telefon Bimbit
Nilai pekali keanjalan	0.35	4.3

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan jumlah hasil bagi setiap barang tersebut.

	Beras	Telefon Bimbit
A	Turunkan harga	Naikkan harga
B	Turunkan harga	Turunkan harga
C	Naikkan harga	Naikkan harga
D	Naikkan harga	Turunkan harga

13 Pasangan manakah yang menunjukkan fungsi wang mengatasi masalah sistem barter.

	Fungsi Wang	Masalah Sistem Barter
A	Alat bayaran tertunda	Urus niaga secara kredit sukar dijalankan
B	Alat simpanan nilai	Masalah kehendak serentak
C	Alat Perantaraan Pertukaran	Kesukaran menilai harga barang
D	Alat ukuran nilai	Barang tidak tahan lama mengalami kemerosotan nilai

14 Antara berikut, pekerjaan manakah yang tergolong dalam sektor ketiga?

- I Nelayan
- II Operator Kilang
- III Jurujual
- IV Agen Insurans

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

15 Maklumat di bawah menunjukkan kadar faedah akaun simpanan tetap di sebuah bank tempatan.

Elit Bank Berhad	
3 bulan	4%
6 bulan	5%
9 bulan	6%
12 bulan	7%

Seorang individu menyimpan sebanyak RM50 000 dalam tempoh setahun. Berapakah faedah yang diterimanya?

- A RM350
- B RM1 500
- C RM3 500
- D RM53 500

16 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barangan secara bayaran kredit?

- A Pengguna akan membayar harga yang lebih rendah
- B Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
- C Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
- D Pengguna boleh menikmati diskaun harga yang lebih banyak

17 Mengapakah seseorang individu perlu merancang belanjawan peribadi?

- A Meningkatkan hasil pendapatan individu
- B Merancang perbelanjaan mengikut keutamaan
- C Merancang perbelanjaan berdasarkan jumlah potongan wajib
- D Memastikan perbelanjaan terancang ketika promosi jualan pada musim perayaan

18 Pelaburan lebih baik daripada tabungan kerana

- A Risiko lebih rendah
- B Pulangan lebih stabil
- C Pulangan lebih tinggi
- D Pulangan tidak dikenakan cukai pendapatan

19 Jadual di bawah menunjukkan keluaran, kos tetap dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	150	150
1	150	200
2	150	240

Antara berikut, pernyataan yang manakah benar berkaitan dengan firma itu?

- I Firma beroperasi dalam jangka panjang
- II Firma hanya menggunakan input tetap dalam operasinya
- III Firma tidak menggunakan input berubah apabila tiada keluaran
- IV Firma menanggung kos tetap yang sama walaupun jumlah keluaran meningkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Kos tetap : RM80
Kos berubah : RM200
Bilangan output : 500 unit

Berapakah kos purata untuk mengeluarkan 500 unit output?

- A RM0.48
- B RM0.56
- C RM2.87
- D RM5.20

21 Untung per unit adalah perbezaan antara

- A Hasil sut dengan kos sut
- B Hasil purata dengan kos tetap
- C Jumlah hasil dengan jumlah kos
- D Hasil purata dengan kos purata

22 Apakah faktor yang membantu peningkatan tahap produktiviti sesebuah organisasi?

- A Lokasi kerja bersebelahan di tapak pembinaan
- B Rakan sekerja yang sukar memberi kerjasama
- C Pengurus yang suka memberi arahan tanpa budi bicara
- D Penggunaan peralatan dan jentera yang moden dan canggih

23 Faedah sosial yang diperolehi oleh dua orang rakan sekerja yang berkongsi kerja ke pejabat ialah

- I Kadar kesesakan lalu lintas yang rendah
- II Kadar penggunaan minyak petrol yang tinggi
- III Kos perubatan dan kesihatan yang meningkat
- IV Kadar pencemaran alam sekitar yang rendah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Barang awam ialah barang yang

- A penawarannya ada dimana-mana tanpa had
- B tidak tertakluk kepada prinsip pengecualian
- C kos pengeluarannya ditanggung sepenuhnya oleh pembayar cukai
- D contoh barang awam ialah pembinaan loji pembersihan air untuk kegunaan rakyat

25 Kerajaan mengawal kesan luaran negatif dengan

- A melaksanakan dasar fiskal
- B menggunakan dasar kewangan
- C menggubal akta dan undang-undang
- D mengenakan kawalan harga keluaran firma

26 Indeks harga pengguna di Malaysia meningkat sebanyak 6.7% pada tahun 2015. Keadaan ini menunjukkan

- A nilai wang bertambah sebanyak 6.7%
- B kos hidup bertambah sebanyak 6.7%
- C taraf hidup bertambah sebanyak 6.7%
- D harga barang import bertambah sebanyak 6.7%

27 Jadual dibawah menunjukkan KDNK bagi Malaysia pada tahun 2010 – tahun 2015

Tahun	KDNK (RM juta)
2010	52696
2011	54942
2012	57650
2013	50995
2014	62155
2015	63095

Berdasarkan jadual diatas, negara X mengalami pertumbuhan ekonomi yang paling rendah pada tahun

- A 2011
- B 2012
- C 2013
- D 2014

28 Dengan menggunakan dasar fiskal, kerajaan boleh menambahkan atau mengurangkan perbelanjaan dengan

- A menaikkan atau menurunkan cukai
- B menaikkan atau menurunkan kadar bunga
- C menaikkan atau menurunkan kadar inflasi
- D menambahkan atau mengurangkan penawaran wang dalam ekonomi

29 Tujuan kerajaan mengamalkan cukai progresif adalah untuk

- A merapatkan jurang perbezaan pendapatan
- B mengurangkan kesan luaran negatif
- C mewujudkan pertumbuhan ekonomi


D menstabilkan ekonomi negara

- 30 Maklumat berikut menunjukkan tindakan bank pusat melalui dasar kewangan mengawal satu keadaan ketidakstabilan ekonomi

Apakah Keperluan rizab berkanun dinaikkan tiga kali ganda sebagai langkah awal mengurus peningkatan masalah tunai berlebihan yang membawa kepada peningkatan harga barangan keadaan tersebut?

- A Jual surat jaminan kerajaan
 B turunkan nisbah rizab tunai
 C Longgarkan syarat sewa beli
 D Turunkan kadar faedah pinjaman

- 31 Rajah di bawah menunjukkan kesan suatu tindakan yang dijalankan oleh kerajaan.



Apakah tindakan tersebut ?

- A Menaikkan kadar faedah
 B Meningkatkan kadar rizab tunai
 C Meningkatkan kadar rizab berkanun
 D Memanjangkan tempoh pembiayaan
- 32 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang ciri globalisasi?
- A Peluasan dasar ekonomi kapitalis seperti penswastaaan dan liberalisasi perdagangan
 B Kaedah komunikasi yang lebih lambat dan mahal
 C Saiz pasaran pengguna lebih kecil dan terhad
 D Masyarakat berfikir lebih tertutup
- 33 Apakah maksud imbalan dagangan kurangan?
- A Nilai eksport nampak melebihi nilai import nampak.
 B Nilai import nampak melebihi nilai eksport nampak.
 C Nilai import nampak melebihi nilai eksport tak nampak.
 D Nilai eksport tak nampak melebihi nilai import tak Nampak

- 34 Matlamat utama perjanjian perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah bertujuan untuk
- A Mengamalkan dasar perlindungan antara semua negara anggota
 - B Mengurangkan pergantungan import barang penggunaan dari Negara maju
 - C Meningkatkan daya saing ASEAN melalui penghapusan sekatan tariff dan bukan tarif
 - D Mewujudkan kuasa monopoli yang tunggal dalam hubungan perdagangan dengan Eropah.
- 35 Apakah kesan negatif daripada wujudnya pelaburan asing di Malaysia?
- A Syarikat –syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan.
 - B Negara yang menerima pelaburan asing senang mengawal aliran keluar untung.
 - C Penderiaan dan pengeluaran sumber alam yang boleh dikawal.
 - D Imbangan pembayaran memberi kesan positif.
- 36 Mengapakah kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?
- A Meningkatkan pendapatan Negara
 - B Mengurangkan daya saing barang tempatan
 - C Melindungi industri muda dan tempatan
 - D Meluaskan pilihan pengguna
- 37 Situasi manakah yang mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia?
- I Pelabur Korea membuat pelaburan di Malaysia
 - II Jepun mengimport minyak sawit dari Malaysia
 - III Rakyat Malaysia menyewa kapal kargo China
 - IV Rakyat Malaysia melancong ke Turki.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing antara Amerika Syarikat dengan Malaysia.

Tahun	Kadar Pertukaran
2016	USD1 = RM3.80
2017	USD1 = RM3.40

Apakah kesan perubahan tersebut ke atas eksport dan import Malaysia pada tahun 2008?

	Eksport	Import
A	Meningkat	Meningkat
B	Menurun	Meningkat
C	Menurun	Menurun
D	Meningkat	Menurun

Pilihan jawapan bagi soalan 39 hingga 40 berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	salah	Salah

39 I Modal digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

II Contoh modal ialah computer untuk kegunaan pejabat

40 I Embargo merujuk kepada perintah larangan atau pemuluan perdagangan terhadap negara tertentu

II Contoh embargo ialah kerajaan Malaysia mengenakan had maksimum bagi barangan berasaskan hasil tenusi daripada Negara New Zealand

KERTAS SOALAN TAMAT

<https://t.me/koleksitrialspm18> | <https://t.me/SpmTrials2018Bot>

Bahagian A

[60 *markah*]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Gambar di bawah ini menunjukkan dua jenis faktor pengeluaran.



Gambar 1



Gambar 2

Bezakan gambar 1 dan gambar 2.

[4 *markah*]

- (b) Syarikat Seni Kreatif Sdn Bhd ingin berjaya dalam bidang tekstil.

Bagaimanakah Syarikat Seni Kreatif menyelesaikan dua masalah asas ekonomi berikut:

i). Bagaimanakah hendak dikeluarkan

[2 *markah*]

ii). Untuk siapa hendak dikeluarkan.

[2 markah]

- (c) "Keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran yang dapat dicapai oleh sebuah ekonomi dengan menggunakan faktor pengeluaran yang ada dan tingkat teknologi tertentu."

Berdasarkan maklumat di atas, lukiskan pembentukan keluk kemungkinan pengeluaran.

[6 markah]

- (d) Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi Barang X.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta	Peratus Perubahan Harga
Barang	50	25

(i). Hitung nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang tersebut.

[2 markah]

(ii). Berdasarkan jawapan di (d) (i), buktikan dan bandingkan beban cukai pengguna dan pengeluar.

[4 markah]


- 2 a) Maklumat di bawah berkaitan faktor pemilihan pekerjaan oleh Fahmi

 <p>JAWATAN KOSONG <small>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</small> PELBAGAI JAWATAN DITAWARKAN GAJI + ELAUN KERAJAAN SELURUH MALAYSIA</p> <p><small>GKERJAYA.COM</small></p> <p>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (FAMA)</p>	 <p>JAWATAN KOSONG <small>MARINA PUTRAJAYA</small> - PELBAGAI JAWATAN DITAWARKAN GAJI DITAWARKAN : RM1,300 - RM2,500</p>  <p><small>GKERJAYA.COM</small></p> <p>MARINA PUTRA JAYA SDN. BHD</p>
<p>Fahmi yang tinggal di Kota Bharu, Kelantan dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau telah memohon jawatan dan telah diterima oleh kedua-dua syarikat di atas.</p>	

Pada pendapat anda, kerjaya manakah menjadi pilihan dan mengapa?

[4 markah]

b. Rajah di bawah menunjukkan komponen dalam pendapatan individu.



(i) Apakah X

[1 markah]

(ii) Bagaimana cara individu menggunakan X untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya.

[4 markah]

- c. Jadual di bawah merupakan kos-kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.

Keluaran/Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	100	-	-
1	150	150	50
2	190	95	Y
3	210	70	20
4	240	X	30
5	310	62	70
6	420	70	110

- (i) Berapakah nilai X dan Y

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jadual di atas jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal.

- (a) Output 0 hingga 3 unit

[2 markah]

- (b) Output 4 hingga 6 unit

- d. Gambar di bawah menunjukkan suatu fenomena yang berlaku dalam negara.



Kadar penggunaan kenderaan bermotor di jalan raya telah menunjukkan berlakunya peningkatan yang amat besar pada masa kini.

- (i) Apakah maksud kos sosial dalam konteks ekonomi?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kos sosial yang akan ditanggung akibat daripada fenomena di atas.

[3 markah]

3. Jadual menunjukkan kadar inflasi di Malaysia tahun 2008 hingga 2012

Tahun	Kadar inflasi (%)
2008	5.4
2009	0.6
2010	1.7

2011	3.2
2012	1.9

Sumber : *Ubahsuai Perangkaan Negara*.

- (a) Terangkan arah aliran kadar inflasi di Malaysia dari tahun 2008 hingga 2012
)

[4 Markah]

- (b) KUALA LUMPUR - Bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa kerajaan mengurangkan inflasi supaya manfaat sebenar pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat.

"Kita perlu beri perhatian kepada inflasi. Kalau pertumbuhan lima peratus, inflasi tiga peratus, maknanya pertumbuhan sebenar hanya dua peratus.

"Kita harus jaga supaya tiada inflasi dalam negara. Hari ini saya dapati inflasi tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar dan Forum Buku Perdana, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Moody's Analytics, satu bahagian dalam Moody's Corp semalam, yang mengunjurkan keluaran dalam negara kasar Malaysia pada tahap lima peratus pada suku keempat 2013.

UBAHSUAI SINAR ONLINE: 12 FEBRUARI 2014

Peningkatan kadar inflasi memberi kesan kepada individu.
Bincangkan.

[6 Markah]

- (c) Nyatakan objektif makroekonomi yang kerajaan perlu capai.

[4 Markah]

- (d) "Dengan memanfaatkan potensi ini, General Electric Malaysia, bersama rakan kongsi tempatan termasuk REDtone International, melabur dalam teknologi dan kepakaran bagi membangunkan hab teleradiologi. Dengan menghubungkan pakar radiologi sektor awam dan swasta di Malaysia dengan grid teleradiologi, hab ini akan bertindak untuk mengedar semula laporan kerja di Malaysia dan membina kapasiti yang akan menjana PNK dengan menyediakan perkhidmatan teleradiologi dari luar negara. Projek berkenaan dijangka memberi sumbangan PNK sebanyak RM540 juta dan mewujudkan 1,500 pekerjaan menjelang 2020"

Ubah suai: pmr.penerangan.gov.my

Berdasarkan maklumat di atas, bincangkan usaha kerajaan bagi mencapai objektif makroekonomi melalui projek yang dijalankan .

[6 Markah]

<https://t.me/koleksitrialspm18> | <https://t.me/SpmTrials2018Bot>

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.


- 4 Maklumat di bawah merupakan perincian harga, kadar faedah dan tempoh pembayaran bagi pembelian kredit.

Harga Kereta	RM55, 000.00
--------------	--------------


Deposit	10% daripada harga kereta
Kadar F	Promosi
	PROTON IRIZ 2016

- a) Hitungkan jumlah yang perlu dibayar dan bayaran ansuran bulanan.
[6 markah]
- b) Jelaskan kelebihan menggunakan kaedah pembayaran secara ansuran
[6 markah]
- c) Maklumat di bawah berkaitan dengan isu pembelian online.

MAANFAT BELI-BELAH ATAS TALIAN



“Saya suka membeli belah secara online dan sangat berpuashati dengan perkhidmatan yang disediakan”



“ Saya suka mencari barang di laman web yang melolong barangan dengan harga yang sangat murah berbanding harga di pasaran “

Perkembangan teknologi dan penggunaan gajet telah mendorong remaja untuk berbelanja secara maya menyebabkan permintaan terhadap barangan meningkat. Ini mendorong ramai masyarakat berminat menceburi bidang perniagaan secara online.

Berdasarkan pemerhatian anda, apakah kebaikan isu di atas kepada pengguna.
[8 markah]

5

PUTRAJAYA 28 MEI - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membawa isu kenaikan harga barang serta penguatkuasaan kawalan harga untuk dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet Rabu ini.

Menterinya, Salahuddin Ayub berkata, pihaknya mengambil tanggungjawab itu kerana kementerianya bersama-sama meng-anggotai Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

“Di kementerian ini kita ber-usaha menghapuskan kemiskinan dan cuba mewujudkan kekayaan baharu, asas kekuatannya yang tidak ternilai adalah untuk negara ini selamat cukup makanan dan tidak tertinggal daripada rantai makanan,” katanya yang juga

menghargai persahabatan dengan Salahuddin.

Ubahsuai: Utusan Melayu (M) Bhd

- (a) Jelaskan sektor ekonomi yang diberi peranan utama oleh kerajaan pada kementerian tersebut. [5 Markah]
- (b) Jelaskan tindakan yang perlu diambil oleh individu apabila berhadapan dengan isu dalam petikan di atas. [6 Markah]
- (c) Cadangkan tindakan sewajarnya dilakukan oleh kementerian menghapuskan kemiskinan dan mewujudkan kekayaan baharu. [9 Markah]

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh penuntut Malaysia di luar negara.

Ringgit merudum, pelajar Malaysia di luar negara tertekan

KUALA LUMPUR: Kejatuhan nilai ringgit dikhuatiri bukan sahaja memberi kesan segera kepada beberapa pihak seperti komuniti pelajar Malaysia di luar negara. Ini memandangkan ramai kalangan pelajar yang menuntut ke luar negara dengan biaya sendiri bertindak menanggungkan pembayaran yuran semata-mata untuk menunggu nilai ringgit kembali pulih. Sejarah matawang ringgit jatuh ke paras terendah pada Isnin ke paras sebelum ia ditambat dengan dolar Amerika pada September 1998. Ringgit ditambat pada 3.80 sedolar Amerika ketika krisis kewangan Asia. Tambatan itu berakhir pada Julai 2005. Para penganalisis ekonomi menyuarakan kebimbangan akan berulangnya situasi sama seperti yang berlaku semasa krisis kewangan Asia 1997-98, yang menyaksikan ramai pelajar Malaysia di luar negara terpaksa akur dengan tekanan kewangan dan pulang dengan tangan kosong.

Sumber : Ubahsuai Berita Harian 1 Jun 2017

(a) Penuntut Malaysia di luar negara merupakan sebahagian komposisi dagangan Malaysia. Jelaskan.

[6 markah]

(b) Kejatuhan Ringgit Malaysia yang berterusan, bukan sahaja memberi kesan kepada golongan pelajar diluar negara, malah kesannya juga kepada ekonomi negara.

Bincangkan

[8 markah]

(c) Berdasarkan maklumat di atas, kadar pertukaran asing antara Dollar Amerika dengan Ringgit Malaysia ialah, 1USD = RM 3.80. Bincangkan bagaimanakah kadar pertukaran tersebut ditentukan.

[6 markah]

7

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menyatakan usaha kerajaan untuk mempertahankan industri automotif negara daripada merosot dan mengalami kerugian akibat kemasukan kereta-kereta dari luar negara yang tidak dikawal dengan baik.

Beliau juga menjelaskan industri automotif tempatan dalam sektor pembuatan dan pemasangan kenderaan-kenderaan penumpang dan perdagangan terdapat dua syarikat mengeluarkan kereta penumpang bertaraf nasional iaitu Proton dan Perodua dan juga NAZA Automotif Manufacturing yang mengeluarkan model Naza Ria. Terdapat dua pengilang kenderaan perdagangan iaitu Inocom dan MTV dan sebuah pengilang motosikal iaitu Modenas.

Bagi menghadapi cabaran ini, Dasar Automotif Negara bermatlamat menjadikan industri automotif tempatan berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi persaingan di dalam pasaran terbuka. Seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran serantau untuk kenderaan automotif. Langkah ini dapat menggalakkan penglibatan bumiputera dalam jangka masa panjang serta mematuhi komitmen negara dalam perjanjian di peringkat antarabangsa seperti AFTA dan rundingan dua hala Kawasan perdagangan bebas dan WTO.

Selepas pelancaran projek kereta nasional pada tahun 1985, dasar pemberian AP telah diteruskan bagi tujuan melindungi industri automotif tempatan khususnya kereta tempatan dengan menghadkan bilangan kemasukan kereta-kereta automotif daripada import.

(Dipetik dan disesuaikan daripada utusan.com.my: 06 Oktober 2005)

Dengan bantuan rajah yang sesuai, adakah anda bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk mempertahankan industri automotif tempatan.

(a) Berikan hujah anda.

Selain daripada yang dinyatakan di dalam petikan, jelaskan cadangan lain yang sewajarnya boleh dilakukan oleh kerajaan untuk melindungi industri automotif tempatan.

[8 markah]

(b)

Terangkan manfaat daripada Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia dengan negara lain.

[6 markah]

(c)

[6 markah]

HALAMAN JAWAPAN

<https://t.me/koleksitrialspm18> | <https://t.me/SpmTrials2018Bot>

<https://t.me/koleksitrialspm18> | <https://t.me/SpmTrials2018Bot>

Lined writing area for student response.

<https://t.me/koleksitrialspm18> | <https://t.me/SpmTrials2018Bot>

3767/1 EKONOMI

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1

1	B	21	D
2	C	22	D
3	B	23	B
4	C	24	B
5	D	25	C
6	A	26	B
7	D	27	C
8	A	28	A
9	C	29	A
10	D	30	A
11	A	31	A
12	D	32	A
13	A	33	B
14	D	34	C
15	C	35	A

16	B	36	C
17	B	37	A
18	C	38	B
19	D	39	C
20	B	40	A

<https://t.me/koleksitrialspm18> | <https://t.me/SpmTrials2018Bot>

PERATURAN PEMARKAHAN PERCUBAAN EKONOMI 2018 NEGERI KELANTAN.


Soalan	Fakta/Huraian	Perkara	Markah										
1(a)		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gambar 1</th> <th>Gambar 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Buruh</td> <td>Modal</td> </tr> <tr> <td>Menyumbangkan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran</td> <td>Alat ciptaan manusia digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan</td> </tr> <tr> <td>Mendapat ganjaran upah</td> <td>Mendapat ganjaran faedah</td> </tr> <tr> <td>Contoh : doktor, guru, operator kilang</td> <td>Contoh : bangunan, kilang, peralatan, jentera, mesin</td> </tr> </tbody> </table>	Gambar 1	Gambar 2	Buruh	Modal	Menyumbangkan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran	Alat ciptaan manusia digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	Mendapat ganjaran upah	Mendapat ganjaran faedah	Contoh : doktor, guru, operator kilang	Contoh : bangunan, kilang, peralatan, jentera, mesin	<p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>Max : 4M</p>
Gambar 1	Gambar 2												
Buruh	Modal												
Menyumbangkan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran	Alat ciptaan manusia digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan												
Mendapat ganjaran upah	Mendapat ganjaran faedah												
Contoh : doktor, guru, operator kilang	Contoh : bangunan, kilang, peralatan, jentera, mesin												
1(bi)		F3 Bagaimanakah hendak dikeluarkan H3a cara atau teknik pengeluaran H3b intensif modal / intensif buruh	<p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>Max 2</p>										
1(bii)		F4 Untuk siapa barang hendak dikeluarkan H4a corak agihan barangan H4b berdasarkan corak agihan pendapatan	<p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>Max 2</p>										
1(c)		Syarat pemarkahan: - Calon mesti membina jadual KKP - Keluk KKP	<p>3M</p> <p>3M</p> <p>Max 6</p>										
1(di)		$Ed = \frac{\text{Peratus perubahan Kuantiti Diminta}}{\text{Peratus Perubahan Harga}} @ \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$ $= \frac{50}{25}$ $= 2$	<p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p>										

Max : 2M

1(dii)

PERMINTAAN ANJAL – DASAR CUKAI (RM5.00)

Max 4



- Kuantiti Keseimbangan asal E_o , harga asal RM18.00 dan kuantiti asal 20
- Cukai RM5,00, keluk S_s beralih ke kiri dari S_o ke S_1 , keseimbangan baru pada E_1 ,
- Dalam keadaan permintaan anjal harga naik sedikit iaitu dari RM18.00 ke RM20.00 (RM2.00 sahaja) jadi
- Beban cukai pengguna tanggung $RM2.00 \times 10$ (kuantiti baru) = RM20.00
- Beban cukai pengeluar $RM3.00 \times 10 = RM30.00$,
- Hasil kerajaan RM50.00
- Beban cukai pengeluar lebih banyak berbanding dengan pengguna.

(Pastikan pelajar buat Rajah baru dapat markah penuh)

--	--	--	--

Soalan	Fakta/Huraian	Perkara	Markah
2(a)		<p>Bekerja dengan FAMA H1 menerima faedah sampingan H2 seperti cuti rehat/elaun perumahan/elaun lebih masa/cth lain H3 Mempunyai jaminan kerja yang lebih tinggi H4 Berpeluang untuk tinggal berdekatan dengan tempat tinggal H5 dapat menjimatkan masa dan kos H6 Berpeluang menjawat jawatan lebih tinggi H7 suasana tempat kerja yang selesa H8 kelayakan akademik iaitu SPM bersesuaian dengan jawatan dipohon</p> <p>Atau</p> <p>Bekerja dengan Marina Putrajaya H1 Upah yang diterima lebih tinggi H2 iaitu RM1 300 – RM2 500 H3 Suasana tempat kerja yang selesa H4 Meningkatkan pengalaman dan kemahiran H5 Berpeluang menjawat jawatan yang lebih tinggi H6 kelayakan akademik iaitu SPM</p>	4 M

		bersesuaian dengan jawatan dipohon	
2 b(i)		X ialah perbelanjaan	1 M
2b(ii)		<p>Individu menggunakan perbelanjaan untuk tujuan</p> <p>F1 Perbelanjaan terhadap barang tahan lama H1- perbelanjaan untuk barang bagi kegunaan harian H2- melibatkan tempoh penggunaan melebihi setahun H3 - contoh kereta/perabot/barang elektrik/ cth lain</p> <p>F2 Perbelanjaan terhadap barang tidak tahan lama H1-Perbelanjaan pelbagai jenis barang makanan untuk keperluan diri atau keluarga H2- melibatkan tempoh penggunaan kurang daripada setahun H3 – Contoh makanan/pakaian/ cth lain</p> <p>F3 Perbelanjaan terhadap perkhidmatan H1- perbelanjaan untuk perkhidmatan internet/perubatan/pelancongan /pengangkutan H2- contoh sewa rumah/bil elektrik/ cth lain</p>	Max 4

(c)(i)		X = RM60 Y = RM40	2 M
(ii)(a)		Kos purata menurun Kos marginal menurun Dan mencapai nilai minimum pada output ke 3	2 M
(ii) (b)		Kos purata mencapai nilai minimum pada output ke 4 kemudian kos purata semakin meningkat Kos marginal meningkat	2 M
2(d)i		Kos sosial merupakan kesan eksternaliti negatif kepada pihak ke tiga iaitu kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran Contoh: pembuangan sisa toksik kilang ke dalam sungai menyebabkan pencemaran alam sekitar / contoh lain	2 M
2(d)ii		Penggunaan kenderaan bermotor menyebabkan: -pembebasan asap menyebabkan pencemaran udara -meningkatkan kos hidup -perbelanjaan untuk perubatan meningkat -kesesakan lalulintas	3 M

<https://t.me/koleksitrialspa18> | <https://t.me/Trials2018Bot>

Soalan	Fakta/Huraian	Perkara	Markah
3(a)	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar inflasi yang tertinggi ialah pada tahun 2008 iaitu 5.4% • Merosot pada tahun 2009 iaitu 0.6% • Pada tahun 2010 meningkat sehingga tahun 2011 • Pada tahun 2012 menurun 		4 M
3(b)	<ul style="list-style-type: none"> • meningkatkan kos hidup rakyat • mengurangkan taraf hidup mereka. • Agihan faktor-faktor pengeluaran juga tidak cekap mengurangkan pendapatan benar mereka. • Pengurangan pendapatan benar akan berlaku dengan ketara kepada pekerja- pekerja yang berpendapatan tetap. • Bagi mereka yang menabung, yang menerima pencen, yang memiliki bon dan polisi insuran, nilai sebenar (dalam eftikata kuasabeli wang) tabungan, nilai pencen, nilai bon atau polisi insuran mereka merosot. • Ini kerana sewaktu inflasi, kadar faedah benar adalah rendah dan mungkin negatif berbanding dengan keadaan tanpa inflasi. • Bagi mereka yang berhutang dan yang memberi hutang agihan semula pendapatan juga akan berlaku. Bagi yang berhutang, mereka beruntung kerana nilai benar wang bayaran hutang yang dijelaskan sudah menurun berbanding keadaan sebelumnya. Yang memberi hutang pula akan rugi kerana nilai benar bayaran hutang yang diterima menjadi rendah daripada keadaan tanpa inflasi. 		6 M
3(c)	<p>H1 Mencapai tingkat gunatenaga penuh</p> <p>H2 Mengekalkan Kestabilan tingkat harga umum</p>	<p>1</p> <p>1</p>	4 M

	H3 Mencapai tingkat Pertumbuhan ekonomi berterusan	1	
	H4 Membaiki imbalan pembayaran	1	
3(d)	F1 Mencapai tingkat gunatenaga penuh	1	
	H1a tenaga buruh yang digunakan dengan optimun	1	
	H1b kadar pengangguran yang rendah	1	
	H1c jumlah keluaran Negara yang maksimum	1	
	H1d pendapatan Negara akan meningkat	1	
	H1e taraf hidup masyarakat meningkat	1	
		1	
	F2 Mencapai tingkat pertumbuhan ekonomi berterusan	1	
	H2a mendorong perkembangan dalam aktiviti ekonomi	1	
	H2b mencipta lebih peluang pekerjaan	1	
	H2c meningkatkan pendapatan isi rumah	1	
	H3d meningkatkan kuasa beli dan permintaan agregat	1	
	H4e meningkatkan taraf hidup masyarakat.	1	
			6 M

Soalan	Fakta/Huraian	Perkara	Markah
--------	---------------	---------	--------

4(a)		<p>Jumlah pinjaman = Harga belian – Bayaran pendahuluan</p> <p style="text-align: right;">= RM55, 000 – 5500 = RM49 500</p> <p>Kadar faedah untuk 9 tahun = RM49 500 x 2.6 % x 9 tahun</p> <p style="text-align: right;">= RM11, 583</p> <p>Jumlah bayaran yang dikenakan = RM49 500 + RM11, 583</p> <p style="text-align: right;">= RM61, 083</p> <p>Bayaran ansuran = $\frac{RM61,083}{108 \text{ bulan}}$</p> <p style="text-align: right;">= RM565.58 sebulan.</p>	6 M
4(b)		<p>– Boleh menggunakan kereta walaupun harga penuh belum dijelaskan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jumlah ansuran yang perlu dibayar setiap bulan adalah lebih rendah daripada jumlah tunai yang perlu dibayar sekaligus -laitu RM565.58 sebulan -Dapat merancang perbelanjaan -Boleh menggunakan kereta untuk menghasilkan pendapatan -Contoh kereta boleh disewakan untuk dapatkan untung -Kadar faedah yang dikenakan rendah -peningkatan taraf hidup -hanya dikenakan bayaran pendahuluan yang minimum 	6 M
4(C)		<p><i>Tahap 1 (0-2)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - senaraikan fakta / isi sahaja - jawapan secara umum 	8 M

Tahap 2 (3-5)

- *fakta + huraian masih tepat dan betul*
- *bercampur tepat & kurang tepat*
- *huraian hanya satu sisi*
- *Rajah - umum tanpa $\Delta DD/ \Delta SS/ \Delta E$*
- *huraian rajah terhad*

Tahap 3 (6-8)

- *Rajah lengkap - $\Delta DD/ \Delta SS/ \Delta E$*
- *Huraian lengkap dan mendalam*
- *Senaraikan + huraian relevan + contoh / rajah / bukti*
- *Jawapan 2 sisi – pro & kontra dan mengemukakan pendirian / keputusan sendiri*
- *Membuat kesimpulan / rumusan / pandangan/ pendapat / komen di luar skop tugas / stimulus*

- Bayaran lebih mudah/ pantas
- Pembelian boleh dilakukan dimana-mana/ pada bila-bila masa/ 24 jam
- Pengguna mempunyai pelbagai pilihan pembayaran
- contoh melalui kad kredit, pembayaran melalui M2U / CIMB Clicks
- Mendorong berbelanja di luar kemampuan
- Meningkatkan perbelanjaan pengguna
- Risiko kehilangan wang dari akaun bank bagi kad debit

		(contoh jawapan untuk Tahap 2)	
--	--	--------------------------------	--

Soalan	Fakta/Huraian	Perkara	Markah
5 (a)		<p>H1 Dikenali juga sebagai sektor primer atau sektor utama</p> <p>H2 Melibatkan aktiviti peringkat awal atau tahap pertama dalam proses pengeluaran atau melibatkan bahan mentah atau sumber semula jadi</p> <p>H3 Melibatkan sedikit pemprosesan bahan mentah atau tiada pemprosesan</p> <p>H4 Melibatkan sektor pertanian dan penternakan atau perhutanan atau perikanan atau perlombongan dan kuari</p> <p>H5 Membekalkan bahan mentah kepada sektor kedua</p> <p>H6 Contoh: getah atau kelapa sawit atau penangkapan ikan atau penebangan hutan H7 Contoh pekerjaan: petani atau pekerja ladang atau jurutera petroleum</p>	Max 5

			Max 6
5(c)		<p><i>Tahap 1 (0-3)</i></p> <p>Setakat menyatakan cadangan kerajaan tanpa huraian</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merapatkan jurang pendapatan - Meningkatkan taraf kebajikan masyarakat - Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan - Mengurangkan kadar kemiskinan - Mempercepatkan penyediaan kemudahan perumahan, kseihatan, dan kemudahan asas. - <p><i>Tahap 2 (4-6)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Boleh menghuraikan sebahagian pernyataan, tetapi bercampur tepat dan kurang tepat - Tidak memberi contoh setiap pernyataan <p><i>Tahap 3 (7-9)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Boleh menghuraikan semua pernyataan, tepat dan adanya contoh untuk setiap langkah yang dibuat oleh kerajaan 	

		- Ada kesimpulan/rumusan dan cadangan lain yang bersesuaian.	
--	--	--	--

6(a)	<p>Import (import barang tak nampak)</p> <p>Terdiri daripada perkhidmatan yang disediakan oleh rakyat negara asing kepada rakyat tempatan</p> <p>Terdiri daripada empat kategori yang utama iaitu pengangkutan, perjalanan, urusan kerajaan dan perkhidmatan lain</p> <p>Termasuk dalam katogeri perkhidmatan perjalanan</p> <p>Komponen lain (import barang tak nampak yang lain)</p> <p>Perkhidmatan pelancongan yang lain</p> <p>Perkhidmatan pengangkutan</p> <p>Perkhidmatan telekomunikasi, computer dan maklumat</p> <p>Perkhidmatan pembinaan</p> <p>Perkhidmatan insurans dan pencen</p> <p>Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi</p> <p>Perkhidmatan kewangan</p> <p>Perkhidmatan perkilangan</p> <p>Bayaran penggunaan harta intelek</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
[Mak 6 Markah]		

b	<p><u>Tahap 1 [01 – 03 markah]</u></p> <p>Mendefinisikan maksud tetapi tidak tepat</p> <p>menyenaraikan kesan kepada satu unit ekonomi sahaja</p> <p>(isirumah/ firma / kerajaan)</p> <p>memberi kesan satu sisi sahaja (positif/negatif) secara umum</p> <p><u>Tahap 2 [04 – 06 markah]</u></p> <p>Mendefinisikan maksud dengan tepat</p> <p>Menerangkan kesan kepada dua unit ekonomi sahaja</p> <p>(isirumah dan firma/ isirumah dan kerajaan/ firma dan kerajaan)</p> <p>Memberi kesan satu sisi sahaja (positif/negatif) secara mendalam tetapi tidak tepat</p> <p><u>Tahap 3 [07 – 08 markah]</u></p> <p>Pemahaman yang mendalam tentang maksud</p> <p>Menerangkan kesan kepada ketiga-tiga unit ekonomi</p> <p>(isi rumah, firma dan kerajaan) secara mendalam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberi kesan satu kedua-dua sisi (positif/negatif) secara mendalam - Ada pendahuluan , rumusan dan lontaran idea yang baik dan berkesan tentang kesan kepada ekonomi <p>Contoh : (Panduan kepada pemeriksa)</p>	<p>[Mak 8 Markah]</p>

Kesan Positif

a) Isi rumah

- Menanam sifat berhemah dalam perbelanjaan
- lebih patriotik/ beli barangan buatan Malaysia/cinta akan

Negara

- Memilih pusat pengajian dalam Negara/elak pengaliran keluar matawang asing

b) Firma

- menggunakan sumber dalam Negara/elak pengaliran keluar matawang asing
- menghargai sumber/ buruh tempatan
- bersifat kreatif dan inovatif
- Permintaan keatas keluaran tempatan meningkat
- Penawaran meningkat
- keuntungan meningkat

c) Kerajaan

- perbelanjaan berhemah/ bajet berhemah
- jumlah eksport bertambah
- jumlah import berkurang

Kesan Negatif

a) Isi rumah

- Perbelanjaan meningkat
- kos hidup meningkat
- taraf hidup jatuh

b) Firma


- perbelanjaan keatas kos pengeluaran (import) meningkat
- sumber/ buruh tempatan yang tidak sesuai dengan pengeluaran
- kurang

c) Kerajaan

- Jumlah nilai eksport jatuh
- jumlah cukai jatuh
- Pengaliran keluar wang meningkat
- keuntungan meningkat
- beban kewangan/ hutang Negara meningkat
- imej Negara jatuh
- imej pemerintah jatuh
- kestabilan politik terancam

c

Penentuan kadar perukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dan Dolar Amerika (USD) dapat diterangkan seperti rajah dibawah:




1. Paksi RM/USD

perlu ada origin

2. Paksi kuantiti Dolar (USD)	
3. keluk DD	1
4. Keluk SS	
5. Titik E (keseimbangan)	1
6. RM kesimbangan	
7. Kuantiti keseimbangan	1
H1 Pertukaran asing merujuk kepada mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara	1
H2 Kadar pertukaran asing ditentukan melalui interaksi antara permintaan dan penawaran mata wang asing dalam pasaran pertukaran asing	1
H3 – keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (SS)/Keseimbangan Kadar perukaran asing	1
H4 – pada titik E (USD1.00 = RM3.80 / Q0)	
H5 – Jika Kadar pertukaran meningkat menjadi USD1.00 = RM5.00 , nilai RM mengalami kejatuhan	1
H6 – Keadaan ini sebagai lebih penawaran USD sebanyak Q1Q2	1
H7 – Kadar pertukaran cenderung turun sehingga mencapai keseimbangan semula pada titik E iaitu keluk DD bersilang dengan keluk SS pada kadar USD1.00 = RM3.80	1
H8 – Jika Kadar pertukaran menurun menjadi USD1.00 = RM3.00,Q , nilai RM mengalami kenaikan	

	<p>H9 – Keadaan ini sebagai lebih permintaan USD sebanyak Q1Q2</p> <p>H10 – Kadar pertukaran cenderung naik sehingga mencapai kesimbangan semula pada titik E iaitu keluk DD bersilang dengan keluk SS pada kadar USD1.00 = RM3.80</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 6 M]</p>
--	--	--

7	(a)	
---	-----	--



Ya, setuju

H1 Kuota ialah sejenis sekatan perdagangan yang menghadkan penawaran barang import dari luar negara.

H2 Sebelum PAB, keseimbangan asal berlaku apabila keluk D_0D_0 bersilang dengan keluk S_0S_0 pada titik E_0 .

H3 Selepas PAB, keluk penawaran beralih ke kanan iaitu S_1S_1 . Keseimbangan baharu ialah E_1 dan harga keseimbangan turun kepada P_1 dan kuantiti meningkat kepada Q_4 .

H4 Kuantiti keluaran tempatan ialah Q_1 dan kuantiti diminta ialah Q_4 . Jumlah import ialah sebanyak Q_1Q_4 unit.

H5 Selepas dikenakan kuota, keluk S_1S_1 beralih ke kiri S_2S_2 . Keseimbangan baharu ialah E_2 , harga keseimbangan naik kepada P_2 dan kuantiti menurun kepada Q_3 .

H6 Kesan kuota menyebabkan harga meningkat daripada P_1 kepada P_2 .

H7 Pengeluaran tempatan meningkat daripada Q_1 kepada Q_2 .

H8 Kuantiti diimport berkurang daripada Q_1Q_4 unit kepada Q_2Q_3 .

H9 Keuntungan kepada pengimport ialah AE_2CB

H10 Penurunan import menyebabkan pengurangan aliran keluar wang dan memperbaiki imbalan pembayaran negara.

Syarat peruntukan markah:

4M

1M

1M

1M

1M

1M

1M

1M

1M

1M

1M

1M

(Max :8M)

1. *Markah rajah 4M*
2. *Tiada rajah, markah maksimum hanya 4M*

Tahap 1 (0-2)

- *senaraikan fakta / isi sahaja*
- *jawapan secara umum*

Tahap 2 (3-5)

- *fakta + huraian masih tepat dan betul*
- *bercampur tepat & kurang tepat*
- *huraian hanya satu sisi*
- *Rajah - umum tanpa $\Delta DD / \Delta SS / \Delta E$*
- *huraian rajah terhad*

Tahap 3 (6-8)

- *Rajah lengkap - $\Delta DD / \Delta SS / \Delta E$*
- *Huraian lengkap dan mendalam*
- *Senaraikan + huraian relevan + contoh / rajah / bukti*
- *Jawapan 2 sisi – pro & kontra dan mengemukakan pendirian / keputusan sendiri*
- *Membuat kesimpulan / rumusan / pandangan/ pendapat / komen di*

	<i>luar skop tugas / stimulus</i>	
(b)	<p>F1 Tarif</p> <p>H1a Cukai yang dikenakan ke atas barang yang diimport dari luar negara</p> <p>H1b Harga kereta diimport akan menjadi meningkat dan secara relatifnya menjadi lebih mahal kerana pengimport memindahkan beban tarif kepada pengguna dengan menaikkan harga jualan</p> <p>H1c Permintaan kereta import akan menurun manakala permintaan kereta tempatan akan meningkat</p> <p>H1d Penawaran kereta oleh pengeluar tempatan akan meningkat kerana permintaan terhadap kereta keluaran tempatan telah meningkat</p> <p>H1e Perbelanjaan negara ke atas kereta import menurun</p> <p>H1f Hasil negara meningkat</p> <p>H1g Peningkatan guna tenaga dalam negara kerana aktiviti pengeluaran tempatan meningkat</p> <p>H1h Kadar pengangguran dalam negara menurun</p>	<p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>(Max : 6M)</p>
(c)	<p>H1 Perjanjian Perdagangan Bebas (PBB) ialah perjanjian antara dua atau lebih negara dengan negara anggota menawarkan layanan istimewa kepada setiap negara anggota seperti menurunkan atau menghapuskan tarif, melonggarkan atau menghapuskan halangan kauntitatif import.</p> <p>H2 Malaysia menandatangani Kawasan Perjanjian Bebas ASEAN (AFTA) bagi membolehkan Malaysia mengenakan kadar tarif antara 0% hingga 5% bagi bayaran yang diimport dari luar ASEAN.</p> <p>H3 Pasaran yang luas membolehkan firma tempatan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menambahkan penawaran barang untuk dieksport.</p> <p>H4 Mengimport bahan mentah dan makanan yang lebih murah</p> <p>H5 Menarik pelaburan langsung asing dan teknologi baharu terutama Syarikat Multinasional untuk menempatkan cawangan di Malaysia.</p> <p>H6 Meningkatkan daya saing ASEAN sebagai pangkalan pengeluaran dalam pasaran dunia melalui penghapusan halangan tarif dan bukan tarif dalam kalangan ASEAN</p> <p>H7 Pengguna memperoleh barang dagangan daripada pengeluar yang lebih cekap di ASEAN</p>	<p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>1M</p> <p>(Max : 6M)</p>